



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
ARAS 7, BLOK F1, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590-PUTRAJAYA

Telefon : 03-8883 1303/1308
Faks : 03-8881 0901/0902
Emel : irad@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM87/A2/14-4/2 Jld.2 (11)
Tarikh : 18 NOVEMBER 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERINGATAN: ARAHAN UNTUK MENGEMUKAKAN NOTIFIKASI *INCIDENT REPORTING* DAN *ASSESSABLE DEATH* KEPADA SEMUA KEMUDAHAN ATAU PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) BERLESEN

... Dengan hormatnya surat Bahagian ini dengan no. rujukan KKM87/A2/14-4/2 Jld. 2 (7) bertarikh 29 Mei 2015 adalah dirujuk (*seperti di lampiran*).

2. Dimaklumkan, bilangan notifikasi *incident reporting* dan *assessable death* yang diterima daripada KPJKS berlesen masih berada di tahap yang tidak memuaskan walaupun surat arahan yang berkaitan seperti di lampiran telah dikeluarkan.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan semula semua KPJKS bawah kawalan pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan supaya mengemukakan notifikasi-notifikasi seperti yang dinyatakan dalam surat terdahulu mengikut keperluan.

Kegagalan mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan proses pembaharuan lesen KPJKS terjejas. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH, MMC: 26560)

Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Timbalan Pengarah
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
(Unit Pendaftaran dan Pelesenan)

Fail KKM87/A2/14-4/1

DK:\Aca\HakAsap\Data\RAD\Perlipis\KIKAD\Koz

** SILA CATATKAN NO. RUJ. KAMI APABILA BERURUSAN



Ruj. Tuan :
 Ruj. Kami : KKM87/A2/14-4/2 Jld.2 (7)
 Tarikh : 29 MEI 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

ARAHAN UNTUK MENGEMUKAKAN NOTIFIKASI *INCIDENT REPORTING* DAN *ASSESSABLE DEATH* KEPADA SEMUA KEMUDAHAN ATAU PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) BERLESEN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.



2. Sepertimana yang dimaklumi, semua KPJKS yang dilisensikan bawah Akta Komudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], perlu melaporkan perkara-perkara seperti berikut:

- 2.1 Sebarang kejadian yang tidak dijangka (*incident reporting*), selaras dengan Seksyen 37, Akta 586; dan
- 2.2 Sesuatu kematian boleh nilai (*assossable death*), dilaporkan tidak lebih dari 72 jam setelah kemalian tersebut diketahui, selaras dengan Seksyen 67, Akta 586.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datu/ Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan semua KPJKS bawah kawalan pihak YBhg Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan supaya mengemukakan notifikasi-notifikasi berikut kepada Bahagian ini, mengikut keperluan:

| Borang | Notifikasi | Catatan |
|--------|--|--|
| IR-1 | Bagi insiden-insiden yang tidak dijangka | Notifikasi dihantar apabila insiden tersebut berlaku |
| IR-2A | Statistik rumusan insiden-insiden yang berlaku pada bulan Januari hingga Jun setiap tahun | Notifikasi perlu dihantar walaupun tiada insiden berlaku |
| IR-2B | Statistik rumusan insiden-insiden yang berlaku pada bulan Julai hingga Disember setiap tahun | Notifikasi perlu dihantar walaupun tiada insiden berlaku |
| AD | Bagi kes kematian boleh nilai | Notifikasi dihantar apabila kes kematian berlaku |

..2/-



4. Semua KPJKS tersebut boleh merujuk kepada Seksyen 37 dan Bahagian XII, Akta 586 serta borang-borang notifikasi yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perkara ini. Borang-borang tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di alamat <http://medicalprac.moh.gov.my>. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada Sekretariat *Incident Reporting* dan *Assessable Death* di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta.

Pihak KPJKS tersebut juga perlu diingatkan bahawa kegagalan mematuhi arahan ini, boleh mengakibatkan proses pembaharuan lesen terjejas. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH, MMC: 26560)

Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Pengarah
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
(Unit Pendaftaran dan Pelesenan)

Fail KKM87/A2/14-4/1